



Soal Jawab (Kondom)

Q. Mengapa gunakan kondom?

A. Kondom boleh melindungi anda dan teman anda daripada menjangkit HIV dan STD.

Q. Adakah kondom benar-benar berfungsi?

A. Ya, sekiranya digunakan secara betul, dan sebelum tempoh luput

Q. Patutkah saya menggunakan dua kondom dengan seseorang yang tidak dikenali?

A. Tidak, kerana ini mungkin menyebabkan kondom terkoyak

Q. Bagaimanakah saya patut berbincang dengan pasangan saya mengenai kondom?

A. Isyarat mudah boleh dihantar pada masa yang sesuai. Contohnya, dengan menyimpan kondom sedekat yang boleh. Tetapi, berbincang mengenainya merupakan cara yang terbaik. Sebagai contoh, kenyataan seperti "saya rasa semua orang harus mengamalkan seks selamat" atau "sekiranya saya ingin mula mengadakan hubungan seks, saya akan menggunakan kondom" berkesan untuk memberitahu pasangan mengenai diri anda. Ini mungkin tidak berkesan setiap masa, maka kaedah lain untuk meyakinkan pasangan untuk menggunakan kondom seperti "Saya rasa memakai kondom amat menggairahkan" atau "menggunakan kondom membantu saya berseronok dan merasa senang hati". Kenyataan sebegini juga berkaitan dengan kawalan hamil, STD dan HIV, kerana kondom adalah alat pencegahan kehamilan- satu-satunya yang boleh menghalang jangkitan HIV. Terdapat pelbagai cara lain untuk meyakinkan pasangan: "mereka yang menggunakan kondom benar-benar menyayangi dan menghormati satu sama lain kerana mereka memastikan keselamatan" atau "Saya rasa lelaki yang menggunakan kondom lebih aktif dalam seks kerana daya tahan lebih lama".

Q. Jikalau pasangan merasa tidak dipercayai?

A. Jawapan mudah adalah "anda tahu saya sayang pada kamu dan seorang daripada kita boleh mempunyai virus tanpa menyedarinya."

Q. Jikalau pasangan merungut bahawa kondom tidak seronok digunakan?

A. Lelaki sering merungut bahawa kondom mengurangkan keseronokan dan mereka tidak ingin menggunakannya. Apabila berbincang tentang ini, kita boleh menggunakan cara-cara di atas, seperti "tapi kita sayang satu sama lain dan tidak tahu jika kita mempunyai virus". Anda juga boleh menggunakan "kita boleh cuba beberapa kali-lepas itu kita tidak perlu risau". Jika tidak berkesan, anda boleh memberitahu pasangan bahawa lelaki yang menggunakan kondom biasanya tahan lebih lama, menjamin hubungan seks yang lebih baik. Akhirnya, anda boleh menolak seks tanpa kondom. Kondom baru dibuat untuk meningkatkan rasa dan sensitif. Ini boleh menghilangkan idea bahawa kondom tidak seronok. "Pronto Condoms' boleh dipakai serta-merta.